

14 FEB, 2023

Seni tanaman teknik kokedama

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Seni tanaman teknik kokedama

Seni bonsai dari Jepun ini dibuat bersaiz bola mini tanpa penggunaan pasu

SHAH ALAM

Berbekalkan bahan-bahan mudah diperoleh seperti lumut kering, sabut kelapa dan kompos, pokok hiasan yang biasanya ditanam di dalam pasu kini boleh tampil lebih menarik dengan menggunakan teknik kokedama atau seni tanaman tanpa pasu sebesar saiz bola mini dan boleh digenggam dengan sebelah tangan.

Pelbagai pokok hiasan seperti lidah jin, sirih gading, labah-labah, *philodendron* dan bangun-bangun boleh dijadikan sebagai tanaman hiasan secara gantung atau diletakkan pada bekas termasuk barang terpakai seperti tempurung dan sabut kelapa.

Pengasas Kokedama Kit Malaysia, Norani Samsudin, 64, berkata, kokedama adalah seni bonsai dari Jepun, dibuat menyerupai bola dan diselaputi dengan lumut lalu diikat bagi menggantikan penggunaan pasu.

"Teknik ini menjadi pilihan kerana tidak menggunakan tanah, menghasilkan tanaman yang bersih dan organik serta tidak memerlukan penjagaan rapi," katanya.

Pada masa sama, beliau yang juga tenaga pengajar teknik itu turut memperkenalkan kit kokedama seberat 250 gram, yang boleh dibeli dengan harga RM35, mengandungi kompos yang bertindak sebagai media tanaman, lumut kering, sabut kelapa dan tali guni.

"Saya diperkenalkan dengan kokedama pada 2017, selepas anak membelinya, namun hanya bertahan dalam tempoh dua bulan. Atas dasar minat berkebun dan rasa ingin tahu, saya membuka media tanaman dan mendapat ia hanya dibuat menggunakan sabut kelapa," katanya.



Norani menunjukkan cara-cara untuk menghasilkan hiasan pokok kokedama.

FOTO: BERNAMA

air dan campuran kompos juga perlu di-gaul dengan air sehingga boleh dibentuk bulat," ujarnya.

Menurut Norani, cabaran utama bagi menjayakan teknik itu adalah proses membahagi campuran kompos kepada dua bahagian tanpa menyebabkan beberapa itu pecah.

"Kemudian, tekapkan akar pokok pada media tanaman sekali dengan lumut yang diperlah sehingga menutupi keseluruhannya yang sudah dibulatkan.

"Akhir sekali, media tanaman yang sudah dibulat dengan lumut itu perlu dililit dengan tali guni sehingga kemas dan mengikut kreativiti masing-masing sama ada ia sesuai digantungkan atau diletakkan di dalam bekas," katanya.

Kejayaannya menghasilkan kit itu membolehkan Norani menerima Sijil Penarafan Produk Industri Asas Tani dalam Seminar Galakan Pasaran Tempatan dan Antarabangsa Agropreneur Negeri Selangor oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada 2018.

"Kokedama hanya memerlukan penjagaan minimum, disiram dengan secara semburan air halus pada lumut yang membalut tanah atau merendam seketika bebolia ke dalam air," katanya yang menyifatkan kerjayanya sebagai tenaga pengajar kokedama sebagai satu terapi minda selepas penat seharian di tempat kerja. - Bernama

Susulan itu, Norani melakukan beberapa kajian dan penyelidikan terutamanya dalam penggunaan campuran kompos agar pokok hiasan yang ditanam mampu bertahan lama dan hidup segar walaupun tanpa perlu meletakkan baja dan menyiramnya setiap hari.

"Saya menggunakan kompos yang diperbuat daripada sekam padi yang dicampur dengan zeolite dan tanah baja. Sekam padi mengandungi effective mikrob (EM) daripada tumbuhan yang baik untuk menyuburkan tanah.

"Zeolite pula adalah mineral semula jadi kerana kebolehnnya untuk menyerap dan menukar pelbagai bahan kimia, nutrien dan ion mengikut keperluan semasa," jelasnya.

Pengasas Bersama Integrated Islam-

Kokedama adalah seni bonsai dari Jepun, dibuat menyerupai bola dan diselaputi dengan lumut lalu diikat bagi menggantikan penggunaan pasu.

ic School Shah Alam itu menambah, melalui teknik tersebut, akar pokok dibalut dengan media tanaman kemudian dililiti lumut sebelum diikat menggunakan tali dan mengubahnya menjadi bentuk arca mengikut kreativiti masing-masing.

"Sebelum itu, lumut perlu direndam kira-kira 10 ke 15 minit supaya menyerap




Kit kokedama seberat 250 gram, yang boleh dibeli dengan harga RM35, mengandungi kompos yang bertindak sebagai media tanaman, lumut kering, sabut kelapa dan tali guni.



Teknik kokedama menjadi pilihan kerana tidak menggunakan tanah, menghasilkan tanaman yang bersih dan organik.





14 FEB, 2023

Seni tanaman teknik kokedama

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Seni bonsai dari Jepun ini dibuat bersaiz bola mini tanpa penggunaan pasu

Berbekalkan bahan-bahan mudah diperoleh seperti lumut kering, sabut kelapa dan kompos, pokok hiasan yang biasanya ditanam di dalam pasu kini boleh tampil lebih menarik dengan menggunakan teknik kokedama atau seni tanaman tanpa pasu sebesar saiz bola mini dan boleh digenggam dengan sebelah tangan.